

Seri Paduka rasmi pameran

BH 6/10/03

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sijjuddin Syed Putra Jamalullail akan merasmikan pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" di Balai Seni Lukis Negara, Jalan Tun Razak di sini, petang ini.

Pameran dua bulan itu adalah anjuran bersama Kementerian Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Media Malaysia sebagai satu penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang akan dipamerkan adalah gambar Dr Mahathir yang diambil oleh juru gambar media, Jabatan Penerangan dan Bernama sejak 22 tahun beliau menerajui negara.

Pengurus Komunikasi Korporat Bernama, Sobrey Jaafar, berkata 500 daripada gambar yang akan dipamerkan itu, dicetak atas kanvas manakala 500 keping lagi adalah dalam bentuk multi media dan kolaj.

"Ini adalah peluang kepada jurugambar dan pelajar untuk melihat hasil jurugambar profesional dari media dan kebanyakan gambar itu belum pernah diterbitkan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, majlis perasmian pada jam 4 petang ini dijangka disiarkan secara langsung oleh RTM.

Pameran itu akan dibuka kepada orang ramai mulai Selasa dari jam 10 pagi hingga 6 petang, dan masuk adalah percuma.